

Tangkai yang Berduri

Oleh: Norah binti Ali



Hujan malam ini, setelah hampir dua minggu rasanya tak hujan. Alhamdulillah, sejuk sikit. Badan yang sebelum ini rasa berlegas dek bahangnya cuaca, mula dingin dan selesa.

Jam baru pukul 10.00. Si Rina, kawan serumah aku yang riuh mulutnya tu keluar makan dengan budak pejabat dia. Memang aktiviti hujung minggu dia. Biasanya nak dekat pukul 12.00 nanti karang baru dia balik. Nak lepak-lepak sekejap katanya. Ada juga dia menyapa aku sebelum keluar, "Nak kirim apa-apa tak?", aku hanya menggeleng sahaja.

Aku memerapkan diri di dalam bilik. Tiada *mood*. Perut terasa lapar, tapi hendak melangkah keluar ke dapur pun tak berupaya. Bukan sebab kaki atau badan sakit, tapi hati aku yang sakit. Sakit yang teramat sangat. Kalau boleh digambarkan sakitnya tu, ibarat hati yang dihiris, dicucuk atau ditusuk dengan belati tajam. Pedih, perit seperti luka yang dalam yang masih berdarah. Aku rasa nak meraung tapi tak terkeluar suara. Sesaknya di dada sampai aku rasa macam tak boleh nak bernafas. Berat. Siang tadi aku dah puas menangis. Menangis semahu-mahunya. Menangis sampai teresak-esak. Hinggakan nak bercakap, suara aku tersekat-sekat. Ya Allah, kenapa aku?

Aku faham setiap manusia pasti akan diuji dengan pelbagai ujian. Ujian yang akan mendewasakan. Ujian yang akan menjentik hati mahluk-Nya supaya kembali mengingati-Nya dengan sepenuh hati. Cuma, aku bukan maksum. Aku tetap insan biasa. Untuk berdepan dengan ujian ini, aku tidak pasti sekuat mana aku boleh lalui. Perasaan aku ketika ini bercampur baur. Di sebalik air mata yang tumpah, hatiku juga dihimpit rasa marah, geram dan kecewa dengan apa yang berlaku.

Bunga telur, baju pengantin, *goodies bag* untuk majlis kahwin aku nanti sudah siap aku tempah. Terbayang betapa meriahnya suasana di *Kayangan Event Hall* yang dipenuhi dengan bunga-bunga putih bak salju mencerminkan kesucian cintaku pada Emir. Lelaki yang berjaya membuka pintu hati aku untuk berjanji sehidup semati sebagai suami isteri. Aku lihat dia juga bersemangat melengkapkan segala keperluan untuk majlis kami nanti. Siap tempahkan kumpulan kumpang dari sekolah lama dia. Sifatnya yang tidak berkira untuk membuatkan orang di sekelilingnya *happy*, bertanggungjawab menjaga ibu dan adik-adiknya setelah pemergian ayahnya telah meyakinkan aku bahawa dialah pilihan yang tak mungkin ku tolak.

Tangkai yang Berduri

Oleh: Norah binti Ali



Aku tak tahu bagaimana nak mulakan kata. Esok kami akan ke Butik Raisya untuk *fitting* baju pengantin. Pasti dia akan tersenyum bila melihat kami dalam persalinan yang diimpikan. Tapi untuk aku, esok adalah hari yang sangat sukar. Hari yang mungkin jadi penentuan. Hari yang mungkin aku akan kehilangan Emir yang aku sayang. Hari yang mungkin menyebabkan Emir akan jijik memandang aku atau mungkin membenci aku selamanya. Ya Allah, tolong aku Ya Allah, tolong aku berdepan dengan Emir Ya Allah. Tolong aku kuat untuk memberitahu perkara yang sebenar ini Ya Allah, walaupun aku tahu ianya pahit, ianya akan menyentak perasaan Emir sepertimana aku tersentak sewaktu menerima hakikat ini Ya Allah.

Aku memandang gambar keluargaku yang ku gantung di dalam bilik tidurku. Segalanya tampak sempurna. Ada ayah, ibu, aku dan adik lelakiku tersenyum indah menggambarkan sebuah keluarga yang bahagia. Sempurna. Tiada yang pelik atau janggal dimataku. Kehidupan yang kami jalani sama seperti kebanyakan keluarga-keluarga lain. Tidak begitu senang, tidak juga begitu susah. Pendek kata, hidup kami ini sederhana. Cukup makan pakai. Kami juga hidup dengan penuh kasih sayang. Walaupun masa untuk ada bersama tu kadang-kadang terhad, tetapi perhatian dan sikap ambil berat antara kami tidak pernah berkurang.

Ayah dengan kesibukan dia bekerja di seberang tambak. Pagi-pagi sudah keluar kerja menaiki motosikalnya menempuh perjalanan yang agak mencabar dipenuhi lautan manusia yang turut bersesak hendak memasuki Singapura. Manakala ibu pula setia menjalankan tanggungjawabnya sebagai suri rumah tangga - memasak, mengemas, membasuh dan lain-lain kerja rumah. Adik aku, Si Aiman masih bersekolah di tingkatan tiga. Kejap manja, kejap bergaduh juga dengan aku. Tapi, hujung-hujung, aku juga akan dicarinya. Biasanya, akulah yang jadi tempat rujukan dia bila nak siapkan *homework* terutama subjek matematik. Nak kata aku pandai sangat, tidaklah. Tapi bolehlah untuk aku berkongsi apa yang aku reti. Sekarang aku dah mula bekerja, belajar hidup sendiri. Aku menyewa rumah bersama kawan-kawanku. Mahu hidup berdikari.

Tangkai yang Berduri

Oleh: Norah binti Ali



Secara zahirnya, aku amat bersyukur dikurniakan keluarga yang saling menyayangi ini. Tidak pernah aku rasa aku ini hidup dalam kekurangan. Namun, sangkaanku ternyata tidak seindah yang disangka. Rupa-rupanya dalam diam, ada satu rahsia besar yang tersimpan lama sejak berpuluh tahun. Rahsia yang sebenarnya bakal mengubah status aku. Rahsia yang membuatkan aku terasa duniaku terhenti seketika. Terasa seperti hidupku tidak akan sama lagi seperti dahulu. Terasa seperti aku bakal terasing. Terasing di kalangan darah dagingku sendiri.

Aku harus terima hakikat bahawa aku adalah anak luar nikah! Anak yang wujud di dalam rahim seorang ibu yang belum bernikah! Allahuakbar! Menggigil aku sewaktu aku dengar sendiri pengakuan ibuku semalam. Masih terngiang-ngiang suara ketarnya menjelaskan kepadaku satu persatu apa sebenarnya yang berlaku 25 tahun yang lalu. Ya Allah, ujian apakah yang Engkau berikan padaku. Kenapa baru sekarang perkara ini muncul di saat aku sedang menuju bahagia. Selama ini aku hanya melihat, mendengar dan membaca kisah-kisah sebegini hanya di sekelilingku. Namun hari ini, aku yang menjadi sebahagian dari kisah itu.

Bila aku ingat-ingat semula, dua minggu lepas aku ada bertanyakan ibu tentang sijil nikahnya. Aku mahu bawa ke Pejabat Kadi untuk urusan permohonan nikahku. Dokumen ini amat penting dalam proses permohonan untuk bernikah. Ia untuk membuktikan berkaitan status diri seseorang pemohon sama ada anak sah taraf ataupun tidak. Berdasarkan status tersebut itulah akan menentukan siapa yang layak untuk menjadi wali nikah nanti. Perkara inilah yang ditekankan dalam kursus kahwin yang aku hadiri bulan lepas.

Puas aku mintak ibu serahkan sijil nikahnya, namun reaksi ibu seolah-olah acuh tak acuh dan seperti mahu mengelak daripada memberikannya kepadaku. Setelah aku desak ibu dengan mengatakan aku perlukan dokumen itu segera kerana masa semakin suntuk dan semakin hampir dengan hari pernikahan, baru ibu serahkan padaku. Bayangkanlah, tarikh pernikahanku hanya tinggal dua minggu sahaja lagi. Aku dah mula rasa tak sedap hati. Kenapa tiba-tiba ibu berkelakuan begitu. Kenapa ibu nampak gelisah bila berdepan denganku.

Tangkai yang Berduri

Oleh: Norah binti Ali



Akhirnya, petang semalam, penjelasan ibu telah merungkai segalanya. Tarikh nikah ibu dan ayah dengan tarikh kelahiranku hanya berbeza lebih kurang dua bulan. Bermakna, sewaktu ibuku bernikah, dia sudahpun mengandungkanku lebih kurang tujuh bulan. Dengan linangan air mata, ibu berkali-kali memohon maaf dariku. Pertama kali aku berdepan situasi yang begini. Ya Allah, aku tiba-tiba hilang kata-kata. Ibu yang amat ku sayangi, yang aku hormati, yang aku kasihi, mengakui tentang keterlanjuran dirinya sendiri. Hingga menyebabkan kelahiranku yang nasabnya perlu dinafi. Walaupun namaku ada berbinti ayahku, namun hakikat sebenarnya, aku bukanlah anak yang boleh dia wali, aku juga tidak berhak mewarisi, kerana kesilapan masa silam yang telah terjadi.

Ya Tuhan, berat ujian ini. Apa yang harus aku buat? Menangis sekuat hati? Lepaskan marah atas kesalahan yang ibu dan ayah pernah buat? Larikan diri dari mereka? Biarkan mereka kehilangan aku? Selama ini aku merasakan ibu ayahlah tempatku berpaut dan bersandar. Dan mereka jualah tangkai tempatku berpegang. Namun kini, tangkai itu ibarat tangkai yang berduri. Melukai aku tanpa sedar. Ya Allah, perasaanku bercampur baur. Ibu memelukku erat. Memujukku agar memaafkan dirinya dan meminta aku tidak membuat perkara yang bukan-bukan. Ibu tidak mahu kehilanganku. Aku cuba bertenang tapi hatiku tetap hancur. Kenapa ibu terlalu lama rahsiakan perkara ini daripadaku? Kenapa perlu menipu aku? Pelbagai tanda tanya bermain-main di fikiranku. Aku minta diri untuk pulang ke rumah sewaku. Aku perlu ruang untuk hadamkan semua ini. Aku perlu berdepan juga dengan Emir untuk jelaskan perkara ini.

Pertemuanku dengan Emir di Butik Raisya tidak begitu lama. Setelah selesai urusan *fitting* baju pengantin, aku mengajaknya pergi ke suatu tempat yang agak privasi untuk aku berterus terang tentang status diriku. Aku memilih sebuah pondok di tepi Tasik Merdeka yang ku rasa agak sesuai untuk aku meluahkan segalanya. Aku redha apa sahaja keputusan Emir. Kepada Allah Berserah. Aku ceritakan perkara sebenar. Emir mendengar dengan penuh sabar. Walaupun pada awalnya dia kelihatan terkejut, tapi akhirnya dia menerima dengan hati yang terbuka. Sangkaanku bahawa dia akan meninggalku meleset sama sekali. Emir sebaliknya menyatakan bahawa dia akan setia dengan janjinya untuk sehidup semati denganku.

Tangkai yang Berduri

Oleh: Norah binti Ali



Pada dia, status diriku yang tidak sah taraf bukan halangan untuk aku dan dia mengecap bahagia. Dia juga meyakinkan ku bahawa keluarganya akan menerimaku seadanya. Dia menasihati supaya memaafkan kesilapan kedua orang tuaku dan mengenang kembali segala kebaikan, pengorbanan dan susah senang mereka membesarkanku. Allah, baiknya Emir. Dia yang menjadi penguat semangatku untuk aku terima takdir ini dengan penuh hikmah. Aku benar-benar bersyukur dipertemukan dengannya. Insan yang dapat menerima kekuranganku. Terfikir juga di benakku, bagaimana agaknya mereka yang berada di situasiku, tetapi berdepan dengan pasangan yang tidak dapat menerima keadaan seperti ini? Pasti mereka akan dikecewakan. Aku hanya mampu mendoakan agar nasib mereka juga terbela.

Aku telah dinasihatkan oleh pegawai di kaunter Pejabat Kadi supaya membuat permohonan wali hakim di Mahkamah Syariah. Ibu dan ayahku turut dipanggil sewaktu hari perbicaraan untuk Hakim dapatkan pengesahan tentang beberapa perkara yang berkaitan permohonanku. Alhamdulillah, dengan perkhidmatan Peguam Syarie yang aku lantik, urusan tersebut dipermudahkan walaupun terpaksa dibuat *last minute*. Peguam juga menasihati dan kedua ibu ayahku agar selepas ini, demi menjaga kebajikan, hal-hal berkaitan harta juga boleh dibuat persediaan untuk pembahagian melalui hibah ataupun wasiat. Berkenaan namaku yang berbintikan ayahku, Peguam Syarie juga memintaku merujuk kembali kepada Jabatan Pendaftaran Negara agar dapat diperbetulkan supaya ianya tidak mendatangkan kekeliruan di kemudian hari. Sepatutnya anak yang tidak sah taraf ini hanya boleh di bin atau bintikan dengan nama Abdullah atau salah satu daripada 99 nama Allah. Sekiranya mereka hendak memasukkan maklumat bapa di dalam Sijil Kelahiran, ianya akan dicatat dengan permohonan di bawah Seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957.

Masha-Allah, banyak juga aku belajar daripada apa yang berlaku ini. Ibu ayahku juga rupanya pernah disabitkan bersalah atas kesalahan perbuatan Persetubuhan Luar Nikah di bawah Seksyen 23 (1) dan 23 (2) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 yang berdepan hukuman maksimum denda RM5,000 atau 3 tahun penjara atau 6 kali sebatan atau kombinasi di antara ketiga-tiga hukuman tersebut. Sungguh ianya benar-benar memberi pengajaran kepada kedua ibu ayahku dan juga sebagai peringatan kepada diriku.

Tangkai yang Berduri

Oleh: Norah binti Ali



Hari berlalu dan masa yang aku nantikan akhirnya tiba. Dari jauh ku lihat Emir segak berpakaian baju melayu teluk belanga putih, bersampin dan bersongkok style Johor melangkah masuk ke *Kayangan Event Hall*. Senyumannya yang manis membuatkan hatiku berbunga harapan agar fasa baru yang aku lalui nanti beroleh keberkatan dan kebahagiaan. Kini, tangkai yang baru bakal menggantikan tangkai yang berduri. Begitulah hidup yang penuh warna warni. Moga pengakhiran kita nanti dalam redha Ilahi.

-TAMAT-